

27/01/1999

Nik Aziz dicabar perjelas kenyataan

KUALA LUMPUR, Selasa - Pergerakan Pemuda Umno Kelantan mencabar Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menjelajah ke seluruh negeri untuk mengajak rakyat bersatu di bawah syariat Islam.

Setiausahanya, Jazlan Yaacob, berkata jika Nik Aziz mendakwa dirinya ulama muktabar beliau perlu menjelaskan kepada rakyat yang Islam tidak mengajar berpecah-belah dan kafir mengkafir.

"Ketika Nik Aziz boleh duduk semeja dan ketawa bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 14 Januari lalu, beliau kena ingat yang rakyat di akar umbi masih lagi bermasam muka akibat dakwah politik Pas," katanya dalam satu kenyataan.

Jalan yang juga Ketua Pemuda Machang, turut menyifatkan kenyataan Murysidul Am Pas itu yang parti itu bersedia menerima 'bantuan syaitan' bagi memastikan kemenangan dalam pilihanraya umum akan datang sebagai angkuh.

Katanya, Nik Aziz tidak perlu berdolak-dalik lagi dengan kenyataannya 'bantuan syaitan' sekadar bunga bahasa bagi menarik perhatian umum.

"Kata-kata Nik Aziz untuk bersedia bersahabat dengan syaitan itu adalah hakikat sebenar pembawaan Pas dalam perjuangan mereka yang bertopengkan Islam," katanya.

Kelmarin, Nik Aziz menegaskan beliau tidak akan menarik balik kenyataan itu kerana perkataan 'syaitan' tidak lebih daripada bunga bahasa untuk memaniskan bahasa dan tidak mungkin mengelirukan mereka yang memahami.

Menurutnya, mereka yang faham tetapi sengaja mempersoalkan kenyataan berhubung perkataan 'syaitan' itu secara senyap-senyap cuba mempopularkan diri.

Sebelum ini, Nik Aziz berkata, beliau sanggup menerima sesiapa saja yang ingin menolong Pas bagi memenangi pilihan raya akan datang, termasuk daripada syaitan.

Kenyataannya itu sebagai mengulas pengumuman Bendahari Pas Pusat, Abdul Halim Abdul Rahman, parti itu akan bekerjasama dengan parti politik lain, termasuk DAP dalam menghadapi pilihan raya akan datang.

(END)